



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui pelaksanaan Arahan Keselamatan. PETRA komited untuk menjayakan dasar tersebut dengan:

1. memastikan pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) dan menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab terhadap pematuhan Arahan Keselamatan Kerajaan;
2. memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip "*Defence-in-Depth*" yang bertujuan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan supaya persekitaran tempat kerja yang selamat diwujudkan;
3. memastikan kawalan dan perlindungan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi tidak dikompromi dan mencegah akses tanpa kebenaran serta membantu penyiasatan terhadap sebarang ketirisan maklumat rahsia rasmi;
4. memastikan kawalan keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT diwujudkan, dilaksanakan, dikawal, dinilai dan dibuat penambahbaikan secara berterusan bagi menjamin objektif Polisi Keselamatan Siber PETRA dan sistem penyampaian perkhidmatan tercapai;
5. memastikan langkah-langkah keselamatan peribadi dipatuhi sepenuhnya supaya warga PETRA, komuniti keselamatan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa mempunyai kesedaran untuk melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut undang-undang, dasar dan peraturan Kerajaan yang ditetapkan; dan
6. memastikan pengurusan kesinambungan perkhidmatan keselamatan perlindungan yang holistik bagi mengekalkan ketersediaan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (*disruption*) dan fungsi normal segera dibaik pulih dalam tempoh masa yang ditetapkan.

(DATO' HAJI MAD ZAIDI BIN MOHD KARLI)

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

TARIKH: 26.11.2024